

MANUSIA PEMBINA TAMADUN: PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM

(Man as Civilisational Builder: An Islamic Thought Perspective)

ZAKARIA STAPA*

Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi UKM, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Tamadun adalah produk daripada tindak balas antara manusia dengan alam dan kehidupan. Dalam konteks ini, manusia adalah pemain utama dalam menghasilkan sesbuah tamadun. Perspektif Islam melihat bahawa makhluk manusia sememangnya disediakan oleh Allah dengan kelengkapan yang cukup untuk melaksanakan tugas sebagai pembina tamadun. Namun, tinggi atau rendah kualiti sesebuah tamadun yang terbina akan bergantung sepenuhnya kepada nilai peribadi manusia itu sendiri. Oleh itu, perspektif Islam melihat manusia yang jati dirinya berpaksi pada aspek kerohanian dirinya itu, mestilah ditarbiyah secukupnya agar dapat dihasilkan peribadi-peribadi berakhhlak mulia yang teguh imannya dan sentiasa melakukan amal soleh. Dan dari peribadi-peribadi berakhhlak mulia inilah, perspektif Islam melihat, akan dapat digantungkan harapan bagi menghasilkan tamadun berkualiti tinggi yang boleh menjamin kesejahteraan hidup alam seluruhnya. Hal seumpama ini telah dihasilkan secara konkret oleh umat Islam dalam zaman kegemilangan tamadun Islam satu masa dahulu.

Kata Kunci: Tamadun, Manusia, Kerohanian, Keimanan, Amal soleh

ABSTRACT

Civilization is a product of the interactions between man and the environment. In this context, man is the main player in creating a civilization. From an Islamic perspective, man is provided by Allah with the necessary skills and attributes to carry out his role as a civilization builder. However, the quality of a civilization that is built is depending on the personal values of man himself. Therefore, the Islamic perspective posits that man, whose self-worth is based on his spirituality,

*Corresponding author: Zakaria Stapa, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi UKM, Selangor, Malaysia. E-mail: karia@ukm.my

Diterahan: 1 Oktober 2008

Diterima: 22 Disember 2008

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2009-0101-02>

must be trained so that he has a good moral standing, coupled with an unshakeable faith and consistently performing good deeds. And it is from these personalities of man that the hope of a high quality civilization be build, which would subsequently ensure a high quality of life for all. This had been once concretely built by Muslims during the Golden Era of the Islamic civilization.

Keywords: Civilization, Humanity, Spirituality, Faith, Righteous Deeds.

PENDAHULUAN

Tamadun secara mudah boleh ditakrifkan sebagai suatu hasil tindak balas antara manusia dengan alam dan kehidupan (al-Buti 2004). Ini bermakna bahawa sesebuah tamadun tersebut muncul hasil daripada berlakunya tindak balas manusia terhadap alam semesta dalam proses manusia menjalani kehidupan harian mereka di planet bumi ini. Bagaimana manusia mengurus dan mengendalikan kehidupan menerusi interaksi mereka dengan pelbagai unit alam semesta yang wujud di sekitar diri mereka sehingga mereka dapat mempertahankan *survival* dan kelangsungan hidup mereka, maka dari situlah lahirnya tamadun.

Yang cukup jelas di sini ialah bahawa makhluk manusia merupakan pemain utama dalam proses pembinaan sesebuah tamadun. Hanya mereka memerlukan umur atau kesempatan hidup serta alam semesta yang tersedia untuk boleh dipergunakan dalam proses pembinaan tersebut. Oleh itu elemen pembinaan sebuah tamadun yang asasi ialah: Makhluk manusia, kehidupan mereka dan alam semesta. Dan dalam tulisan ini elemen-elemen utama ini, khususnya pemain utamanya – iaitu makhluk manusia – akan cuba dianalisis daripada perspektif Islam. Penganalisisan ini bermaksud untuk memperjelas hakikat betapa sese-buah tamadun yang berkualiti tinggi, bermanfaat dan berupaya menabur rahmat dan keselesaan untuk kehidupan alam seluruhnya, sebenarnya boleh muncul di alam realiti. Itulah tamadun Islam yang satu ketika dahulu pernah muncul dan menabur baktinya kepada alam sejagat. Mekanisme pembentukannya jelas ter-ungkap dalam risalah yang dibawa oleh Rasul Agung, Muhammad s.a.w.

TUGAS MANUSIA DALAM KEHIDUPAN DI ALAMINI

Ditinjau daripada perspektif Islam, sebagaimana terungkap dalam al-Qur'an, peranan, tanggungjawab serta matlamat kehadiran manusia di alam ini adalah ter-fokus kepada pelaksanaan dua tugas utama: Melakukan ibadah kepada Allah dan memakmurkan planet bumi yang mereka diami. Perihal tugas ini terungkap jelas dalam ayat-ayat firman Allah berikut:

[Maksudnya]: "Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk melakukan ibadah kepada-Ku"

(al-Dhariyat 51: 56).

[Maksudnya]: “*Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi, dan menghendaki kamu memakmurkannya*”

(Hud 11: 61).

Bagaimanapun, perlulah difahami bahawa konsep ibadah kepada Allah yang menjadi tugas dan kewajipan – malahan ia menjadi suatu hikmah dan penyebab pewujudan makhluk manusia dan jin di alam ini – yang perlu dilaksanakan oleh makhluk manusia tersebut, dalam keseluruhan kerangka keagamaan Islam, adalah tidak hanya tertumpu kepada pelaksanaan ibadah-ibadah khusus semata-mata, seumpama solat, puasa, zakat dan haji sahaja, sehingga mengenepikan semua urusan dunia yang lain. Ini kerana penyempitan konsep ibadah kepada Allah kepada ibadah khusus semata-mata tersebut sebenarnya bertentangan dengan intisari kehendak ayat 61 Surah Hud di atas. Di dalam ayat tersebut Allah beriradah supaya manusia melaksanakan tugas pemakmuran bumi yang mereka diamini ini. Sedangkan pelaksanaan ibadah khusus seumpama solat dan puasa itu misalnya sukar untuk digambarkan kaitannya dengan proses pemakmuran bumi atau alam ini. Oleh itu, sesungguhnya kerja-kerja lain selain ibadah khusus, yang dikaitkan secara langsung proses dengan pemakmuran bumi adalah juga sebenarnya termasuk dalam konsep ibadah kepada Allah, kerana kerja berkenaan juga adalah termasuk dalam suruhan Allah. Hal seumpama inilah yang ditegaskan oleh Shaykh Mahmud Shaltut – seorang mantan Sheikh al-Azhar – dalam buku beliau *Tawjihat al-Islam* (Abu Sin 1984):

Sebenarnya ibadah kepada Allah yang menjadi penyebab kepada penciptaan jin dan manusia itu tidak terlaksana dalam kehidupan ini dengan cara penumpuan seluruh hidup kepada Allah semata-mata dan mengetepikan semua perihal dunia yang lain. Malah sesungguhnya ia menjadi tertunai dengan pelaksanaan iradah Allah di alam ini menerusi kerja pengimaran atau pemakmuran alam ini serta pendedahan rahsia-rahsia Allah yang menunjukkan kebesaran, keesaan dan kewajaran Allah sahaja yang layak dipersembahkan *ibadah* dan pentaqdisan. Demikianlah keperluan manusia memahami bahawa Allah tidak meredai hambanya... menghabiskan seluruh waktu di masjid-masjid sahaja untuk melakukan ibadah dan bermunajat kepada-Nya; sedangkan sebenarnya manusia juga melakukan kerja munajat sewaktu dia berkerja di ladang atau bendang, di gedung perniagaan dan di tengah-tengah masyarakat. Semua itu sebenarnya adalah juga merupakan kerja munajat yang di-dengari oleh Allah dan boleh menghampirkan seseorang hamba kepada Allah

Catatan-catatan di atas membolehkan kita memahami dengan jelas bahawa tugas dan tanggungjawab manusia ialah melakukan ibadah kepada Allah dan memakmurkan muka bumi. Ini merupakan satu pakej yang mesti dilaksanakan oleh manusia secara sekali gus dan kedua-duanya merupakan tugas yang mesti disempurnakan demi penunaian suruhan Allah, yang juga merupakan matlamat utama kehadiran manusia di alam ini. Dalam kata lain, kita boleh pula menyimpulkan di sini bahawa kerja-kerja manusia dalam memakmurkan bumi mestilah dikerjakan dalam konteks kesedaran ketauhidan dan peribadahan kepada Allah. Ini bermakna bahawa kerja-kerja pemakmuran bumi berkenaan mestilah berpaksikan tauhid dan segala implikasi dari konsep ketauhidan tersebut, di mana ia tidak sekali-kali boleh dilaksanakan secara sewenang-wenang dengan menurut kehendak dan tuntutan hawa nafsu serakah manusia sahaja. Malah ia mesti menurut tata cara yang diletakkan oleh Allah, Pencipta dan Pemilik sejati bumi dan manusia itu sendiri. Seandainya proses pemakmuran bumi dilaksanakan secara sewenang-wenang tanpa mengikut prosedur Allah, bermakna berlakulah suatu bentuk pencabulan dan pencerobohan hak Allah sebagai Pemilik sejati planet bumi, dan mereka yang bertanggungjawab mestilah menerima risiko kemurkaan Allah. Hal seumpama inilah yang kelihatan banyak berlaku dalam zaman sekarang.

Selanjutnya, di samping dua tugas utama di atas, berdasarkan suatu perjanjian azali atau *primordial* di antara roh-roh manusia dengan Allah - di dalam perjanjian tersebut roh-roh manusia telah dikemukakan suatu amanah pentaklifan dan peribadahan yang diperakui oleh roh-roh manusia penerimaan amanah berkenaan - manusia dikurniakan oleh Allah taraf sebagai khalifah di muka bumi serta diberikan upaya pentaskhiran (*utilization and subjugation*) terhadap segala apa yang ada di planet bumi ini untuk tujuan pengimaranan atau pemakmuran planet bumi berkenaan (Abu Sin 1984). Perihal ini semua terungkap jelas dalam firman-firman Allah berikut:

[Maksudnya]: “Dan [ingatlah wahai Muhammad] ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam [turun temurun] dari [tulang] belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, [sambil Ia bertanya dengan firman-Nya]: “Bukankah Aku Tuhan kamu?” mereka semua menjawab: “Benar [Engkaulah Tuhan kami], kami menjadi saksi”. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari Kiamat kelak: “Sesungguhnya kami adalah lalai [tidak diberi peringatan] tentang [hakikat tauhid] ini”

(al-A‘raf 7: 172).

[Maksudnya]: “Dan [ingatlah] ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya [tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata]: “Adakah Engkau [ya Tuhan kami] hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah [berbunuh-bunuhan], padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya”

(al-Baqarah 2: 30).

[Maksudnya]: “Dan Ia [Allah] memudahkan [mentaskhir] untuk [faedah dan kegunaan] kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, [sebagai rahmat pemberian] daripada-Nya; sesungguhnya semua itu mengandungi tanda-tanda [yang membuktikan kemurahan dan kekuasaan-Nya] bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti”

(al-Jathiyyah 45: 13).

Tugas sebagai khalifah yang mempunyai upaya pentaksiran terhadap segala apa yang ada di langit dan di bumi adalah amat penting untuk tujuan pemakmur-an alam ini. Dalam konteks ini, sesungguhnya manusia diberikan Allah segala kelengkapan yang perlu untuk melakukan pelbagai tindakan - positif atau negatif - terhadap setiap unit alam yang ada di sekitar diri mereka dalam kehidupan harian mereka. Dan apabila segala ini dilakukan oleh makhluk manusia, maka sebenarnya manusia sedang melaksanakan tugas sebagai pembina tamadun. Dengan itu, jelas bahawa kerjaya manusia dalam kehidupan mereka di muka bumi ini, bersama dengan pelbagai upaya dan kelengkapan yang mereka miliki, adalah berfungsi sebagai agen pembentukan tamadun.

Berdasarkan analisis di atas, jelas bahawa manusia secara automatik berupaya membina tamadun. Malahan itulah tugas asasi manusia dalam kehidupan di alam ini. Maka itu, berkualiti tinggi atau rendahnya sesebuah tamadun yang terbina akan banyak bergantung pada nilai diri manusia itu sendiri. Dalam perspektif Islam, manusia yang dipertanggungjawabkan dengan tugas berat pembina tamadun itu mestilah disediakan, atau dalam kata lain dibangunkan, sebaik mungkin dengan nilai-nilai diri yang diperlukan. Oleh itu, dalam proses untuk membangunkan diri manusia tersebut, supaya mereka dapat berfungsi dengan sem-purna, terlebih dahulu perlu diteliti dengan baik siapa sebenarnya manusia dan apa sebenarnya hakikat diri mereka?

HAKIKAT DIRI MANUSIA

Kalau kita meminjam sudut pandangan al-Qur'an dalam usaha untuk mengenali hakikat sebenar diri manusia, maka kita antara lain akan diberitahu:

[Maksudnya]: “Dan [ingatlah] ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat “sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia dari tanah liat kering [yang berasal] dari lumpur hitam yang diberikan bentuk. Maka bila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya roh [ciptaan]Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud”

(al-Hijr 15: 28-29)

Dan dalam ayat yang lain pula, al-Qur'an ada menjelaskan:

[Maksudnya]: “... dan yang memulai penciptaan manusia daripada tanah. Kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina [air mani]. Kemudian Dia menyempurnakannya dan meniupkan ke dalam [tubuh]nya roh [ciptaan] Nya ...”

(al-Sajdah 32: 7-9)

Berdasarkan kenyataan gugusan ayat-ayat al-Qur'an di atas kita sudah boleh memahami bahawa manusia diciptakan oleh Tuhan daripada dua unsur yang berbeza: pada satu peringkat ia diciptakan daripada sesuatu yang berbentuk material, sama ada secara langsung daripada tanah seperti yang terjadi dalam kes manusia yang mula-mula sekali diciptakan, Adam a.s, atau yang diciptakan daripada air mani seperti yang terjadi pada keturunan Adam a.s, dan aspek inilah yang kemudiannya ditafsirkan sebagai tubuh atau jasad. Unsur kedua bersifat non-material, yang digelarkan sebagai roh atau unsur kerohanian yang didatangkan secara langsung dari sisi Tuhan. Komponen daripada kedua – dua aspek material dan non-material inilah yang mewujudkan sejenis makhluk yang digelar sebagai manusia.

Ditinjau dari perspektif Islam, sebagaimana yang antara lain digambarkan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab utama beliau *Ihya' 'Ulum al-Din*, unsur non-material atau kerohanian di dalam diri manusia itu terangkum sekali gus dalam istilah-istilah yang bukan hanya tertumpu pada istilah roh itu sendiri sahaja, tetapi juga qalbu, nafs dan akal. Dalam penggunaan al-Ghazali, keempat-empat istilah

ini – roh, qalbu, nafs dan akal – adalah seolah-olah boleh ditukar ganti antara satu sama lain, iaitu keempat-empatnya merujuk pada sesuatu yang diungkapkan oleh al-Ghazali sebagai bersifat *latifah rabbaniyah ruhaniyyah* yang terdapat dalam diri manusia dan merupakan hakikat sejati dirinya. Malahan, kerana kewujudan aspek kerohanian itulah menyebabkan manusia ditaklifkan dalam kehidupan di dunia ini (al-Ghazali t. th.).

Pada prinsipnya unsur-unsur non-material yang disebutkan di atas, di samping ia merupakan hakikat sejati diri manusia, adalah juga berfungsi memberikan ciri kehebatan dan keunggulan makhluk manusia dalam bandingan dengan makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain. Seperti yang dijelaskan oleh al-Qur'an makhluk manusia adalah lebih unggul dari para malaikat; perhatikan firman Allah di bawah:

[Maksudnya]: “Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”. Mereka [para malaikat] ber kata: “Mengapa Engkau hendak menjadikan [khalifah] di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”. Dan Dia [Allah] mengajarkan kepada Adam nama-nama [benda-benda] seluruhnya, kemudian mengemukakan kepada para malaikat lalu berfirman: “Sebutkanlah kepada – Ku nama benda-benda itu, jika kamu memang benar”. Mereka [para malaikat] menjawab: “Maha Suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain apa yang Engkau ajarkan kepada kami Allah berfirman: “Wahai Adam, beritahukanlah mereka nama benda-benda ini”. Maka setelah diberitahu kepada mereka nama-nama benda itu, Allah berfirman: “Bukankah telah Aku katakan kepadamu bahawa sesungguhnya Aku mengetahui rahsia langit dan bumi dan mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa yang kamu sembunyikan?”

(al-Baqarah 2: 30-32)

Daripada petikan panjang maksud ayat al-Qur'an di atas yang merupakan dialog antara Allah s.w.t dan para malaikat tergambar dengan jelas bahawa dengan izin Allah makhluk manusia, yang di sini diwakili Adam a.s., menjadi lebih unggul dan lebih hebat daripada para malaikat berdasarkan ilmu yang dimiliki hasil daripada pengajaran yang Allah berikan kepada Adam a.s. Dan sebagaimana yang kita ketahui pemilikan ilmu kepada makhluk manusia adalah berhubung se-

cara langsung dengan aspek non-material dirinya yang diwakili oleh fakulti akal dan fakulti kefahaman yang dimiliki oleh mereka.

Digambarkan juga oleh al-Qur'an bahawa makhluk manusia adalah lebih hebat dan lebih unggul daripada Jin. Hal ini dapat diperhatikan dalam kisah al-Qur'an yang melibatkan Nabi Sulaiman a.s dan Balqis, iaitu daripada surah al-Naml ayat 38-40. Dalam kisah tersebut diperihalkan bahawa Nabi Sulaiman a.s pada suatu ketika bertanyakan pembesar yang terdiri daripada golongan manusia dan jin berhubung dengan siapakah di antara mereka yang sanggup membawa ke hadapan baginda singgahsana Puteri Balqis. Jin 'ifrit yang ada di hadapan baginda memberikan kesanggupan untuk membawa singgahsana tersebut dalam tempoh tidak sempat pun Nabi Sulaiman a.s bangun dari tempat duduk baginda. Sedangkan salah seorang manusia yang berilmu yang ada di hadapan Nabi Sulaiman a.s. memberikan kesanggupan untuk melaksanakan kerja tersebut dalam sekilip mata sahaja. Dan dalam kisah ini manusia itu telah melaksanakan kerja tersebut dengan sempurna. Kehebatan dan keunggulan manusia dalam kisah ini terlambang dalam dua keadaan: Pertama, kelebih-singkatan waktu yang diberikan untuk melaksanakan tugas tersebut. Kedua, keupayaannya secara benar-benar melaksanakan tugas tersebut. Dan sekali lagi di sini, keunggulan manusia itu dikaitkan dengan pemilikan ilmu. Dalam kata lain, bukan semua manusia dapat menandingi kehebatan jin, tetapi cuma mereka yang mengembangkan potensi diri dalamannya atau aspek kerohanian dirinya sehingga mereka menjadi berilmu secukupnya, dan ketika itu barulah manusia dapat mengatasi keupayaan jin.

Seterusnya dalam hubungan ini, barangkali bermanfaat juga diketengahkan di sini simbolis yang terdapat dalam sastera Islam yang memaparkan cerita bahawa pada suatu ketika manusia dibawa ke hadapan pengadilan oleh para haiwan, oleh sebab mereka tidak rela manusia memperalatkan mereka untuk kegunaan manusia seumpama menunggang mereka, menyembelih mereka untuk dimakan daging atau mengambil bulu mereka sebagai pakaian. Pada pandangan para haiwan tersebut manusia tidak mempunyai apa-apa alasan yang wajar sehingga ia perlu diberi keistimewaan sedemikian. Apabila manusia mengemukakan alasan-alasan untuk membuktikan kelebihan-kelebihannya dalam bandingan dengan haiwan, maka semua alasan tersebut dipatahkan dengan mudahnya oleh para haiwan, baik alasan itu adalah yang berhubung dengan sifat gagahnya, kebolehannya melayang atau kebolehannya bergerak di atas air. Semua kebolehan itu dimiliki oleh haiwan pada asal lagi. Apabila manusia tidak mempunyai apa-apa alasan lagi, lalu ia teringat kepada potensi akalnya yang sangat tinggi tarafnya. Dan apabila hal terakhir ini disebutkan sebagai alasan, para haiwan menjadi ketiadaan alasan lagi untuk menolak ketuanan manusia ke atas diri mereka (Muhammad Uthman El-Muhammady 1988).

Daripada kisah simbolis di atas juga memperlihatkan keunggulan makhluk manusia dalam bandingan dengan haiwan adalah dirujukkan kepada aspek non-material yang dimiliki oleh manusia. Sememangnya sedemikian keadaannya, iaitu

secara yang amat mudah boleh dimengerti bahawa betapa manusia, kalau dilihat daripada aspek material dirinya, adalah tidak ada apa-apa yang istimewa, malahan amat lemah sekali. Gambarkan saja misalnya bila dia disengat oleh serangga seumpama tebuan, dia sudah tidak dapat merasa aman lagi dan malahan mungkin tidak dapat melelapkan mata. Kemudian kalau dilihat pula keindahan diri luarannya, maka keindahan itu hanya setakat kulit luarannya sahaja, sedangkan yang di dalam kulit itu amat jelek sekali. Badannya itu kalau tidak selalu dibersihkan, ia akan mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan.

Berdasarkan huraian-huraian di atas ternyata bahawa kehebatan dan keunggulan manusia adalah tertumpu pada aspek kerohanian yang dikurniakan oleh Allah kepadanya, iaitu ketika aspek kesejadian dirinya itu dikembangkan secara sewajarnya. Sebab itulah cukup tepat dan wajar sekali rumusan yang dibuat oleh Dr. Muhammad al-Bahi di dalam salah satu tulisan beliau yang mengatakan bahawa kerohanian adalah intisari manusia dan ciri-ciri peribadinya. Ia bukanlah sesuatu yang ditampal pada manusia atau yang asing bagi manusia, kerana apabila kerohanian menjadi intisari kemanusiaan, bermakna kerohanian merupakan pusat hidup dan pusat segala kegiatannya. Justeru, dalam konteks ini, perlulah difahami secara tepat bahawa aspek material ataupun jasad manusia itu dijadikan hanya sebagai kuda tunggangan kepada roh, iaitu jasad itu dijadikan untuk kepentingan roh dan bukan sebaliknya (al-Bahi 1979).

Di sini boleh kita perhatikan dengan jelas kesilapan atau ketersasulan sebahagian besar manusia zaman kini, tentu sahaja termasuk di tanah air kita, yang tidak dapat menanggapi secara tepat hakikat sebenar diri mereka, lalu mengabaikan aspek kerohanian diri mereka yang merupakan paksi sejati kewujudan dan kehadiran mereka di alam ini. Dalam keadaan tersebut, kita boleh perhatikan betapa mereka sentiasa sibuk secara sepenuh masa dalam hal-hal yang hanya bersangkutan dengan persoalan kebendaan dalam diri dan di luar diri mereka serta pemuasan aspek tersebut secara sepenuhnya. Hal ini termanifestasi antara lain-lain dalam kesibukan dan hiruk-piruk dunia fesyen, kosmetik, penonjolan seks dan berbagai-bagi lagi. Suasana seumpama ini tidak wajar dibenarkan penerusannya kerana ia akan menghakis aspek-aspek positif daripada diri manusia, di samping ia juga akan menaburkan berbagai perlakuan manusia yang tidak sihat dan boleh mengganggu ketenteraman hidup bermasyarakat sebagaimana kesannya antara lain boleh kita perhatikan terjadi di sana sini pada hari ini.

Huraian-huraian yang kita buat di sini tidak pula bermakna bahawa aspek kebendaan dari diri manusia, berserta dengan segala keperluan-keperluannya mesti diketepikan atau tidak perlu diberikan perhatian langsung. Tetapi dalam skema ini ia perlu diletakkan pada tempat dan tarafnya yang wajar berdasarkan kefahaman yang tepat mengenai kedudukan kebendaan dalam keseluruhan skema kehidupan manusia seperti yang kita jelaskan di atas. Barangkali, tamsil yang diungkapkan oleh Habib ‘Abd al-Rahman al-A‘zami sewaktu memberikan kata pengantar kepada *Kitab al-Zuhd* tulisan ‘Abd. Allah b. al-Mubarak adalah bermanfaat diberi-

kan perhatian dalam hubungan ini. Al-'Azami menggambarkan hal ini dengan merujuk kepada seorang yang mempunyai matlamat untuk menunaikan fardhu haji ke Mekah bersama kafilahnya dengan menggunakan unta sebagai tunggangan. Beliau mengatakan unta itu perlulah dipenuhkan keperluan-keperluan jasmani-nya untuk membolehkan unta itu melaksanakan fungsi sebagai tunggangan. Tetapi jikalau orang itu leka dan sibuk sepenuh masa dengan hanya memberi makanan dan minum serta menghias unta tersebut, tentu sekali dia akan ditinggalkan oleh kafilahnya, lalu menjadi terdedah kepada bahaya dibaham binatang buas, dan dengan itu matlamat asalnya untuk menunaikan fardhu haji di Mekah tidak akan tercapai (al-'Azami t. th.).

Tamsil di atas memberikan gambaran betapa manusia perlu bersikap adil terhadap persekitaran dirinya dengan meletakkan segalanya pada tempatnya yang sesuai bagi menjamin kejayaan di dunia dan di akhirat. Ini adalah kerana, dalam perspektif Islam, menikmati kebendaan untuk kepentingan kerohanian adalah tidak pernah terlarang. Adapun yang dilarang adalah merujuk kepada sikap yang memberikan tumpuan kepada kebendaan semata-mata; sikap bermati-matian dalam kebendaan, sikap percaya kepada kebendaan sahaja dan menolak segala nilai-nilai luhur yang lain (al-Bahi 1979). Ini kerana dalam perspektif al-Qur'an (al-A'raf: 11-12), sikap kebendaan seumpama itu adalah warisan dari-pada budaya Iblis yang tidak mahu sujud hormat kepada Adam a.s – walaupun tindakan itu melanggar perintah Allah, semata-mata kerana dalam pandangan Iblis, ia lebih unggul kerana dijadikan daripada api, sedangkan Adam a.s hanya dibuat daripada tanah liat. Ternyata sekali tafsiran yang dibuat oleh Iblis dalam hubungan dengan keunggulan dirinya dalam bandingan dengan Adam a.s adalah merujuk kepada aspek kebendaan semata-mata, tanpa mengambil kira aspek kerohanian yang jauh lebih hebat yang terdapat dalam intisari yang mendasari kesebenaran diri Adam a.s tersebut. Dan penilaian segala sesuatu berdasarkan pendekatan Iblis sebagaimana yang kita huraikan di sini kelihatan subur berkembang di sekeliling kita dalam kehidupan bermasyarakat. Sememangnya kebendaanlah yang menjadi piawai pengukur dalam menentukan nilai dan taraf seorang dalam kehidupan bermasyarakat masa kini.

Selanjutnya, dalam hubungan ini, kalau kita perincikan secara teliti isi kandungan al-Qur'an, kita akan bertemu pula dengan penjelasan-penjelasan yang menyatakan bahawa pemilikan aspek kerohanian yang mencirikan keunggulan dan kehebatan makhluk manusia dalam bandingan dengan makhluk-makhluk lain sebagaimana yang telah kita huraikan sebelum ini adalah tidak mutlak sifatnya, malahan ia mempunyai syarat-syarat tertentu yang mesti dipenuhi manusia. Kalau sekiranya syarat-syarat itu diketepikan, taraf keunggulannya juga akan tidak dapat dipertahankan. Dalam kata lain, manusia sebagai manusia, bersama-sama dengan unsur-unsur kerohanian yang dimilikinya, belum lagi menjinkan kemestian dirinya menjadi unggul dan hebat. Perhatikan contoh firman Allah di bawah:

[Maksudnya]: “*dan sesungguhnya Kami jadikan untuk [isi] neraka Jahanam kebanyakan dari jin dan manusia. Mereka mempunyai qalbu [hati], tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami [ayat-ayat Allah] dan mereka mempunyai mata [tetapi] tidak dipergunakan untuk melihat [tanda-tanda kekuasaan Allah]. Mereka itu adalah seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.*

(al-A‘raf 7: 179)

Berdasarkan ayat di atas ternyata sekali bahawa kalau sekiranya potensi kerohanian milik manusia yang dilambangkan di atas menerusi istilah qalbu, tidak dikembangkan dan tidak dipergunakan secara wajar mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh syariat Allah, maka manusia tidak akan dapat mempertahankan taraf keunggulannya sebagai manusia sebenar-benarnya. Malahan dalam keadaan itu ia terpaksa meletakkan jawatan dari menjadi manusia, lalu menurunkan tarafnya menjadi sama dengan binatang ternak, dan dalam keadaan-keadaan tertentu menjadi lebih sesat lagi dari binatang ternak. Inilah satu petaka besar kepada makhluk manusia, kerana dengan itu dia sudah terpaksa menjadikan neraka Jahanam tempat tinggalnya yang abadi di akhirat nanti, di samping dia juga dalam suasana dirinya yang sudah terpaksa meletak jawatan daripada menjadi manusia, sudah tentu tidak dapat menyumbangkan sesuatu yang positif dan berfaedah kepada tamadun kemanusiaan dan kehidupan bermasyarakat di dunia ini. Ini ialah kerana apalah sangat yang boleh diharapkan oleh sesebuah tamadun manusia dari kumpulan binatang-binatang ternak?

Kemudian, dilihat dari dimensi lain, ayat di atas juga secara tidak langsung kelihatannya memberikan semacam isyarat dan malahan menunjuk arah kepada kita, betapa kita makhluk manusia perlu merancang dengan teliti pembangunan unsur kerohanian diri kita ke arah yang positif, supaya dengan itu kita dapat mengelak diri daripada petaka besar yang disebutkan di atas.

Di sini dapat disimpulkan secara pasti bahawa aspek non-material atau kerohanian diri manusia itulah yang merupakan paksi sebenar dan hakikat sejati dirinya. Aspek utama inilah yang mencirikan sama ada kehebatan dan keunggulan atau kejatuhan dan kebankrupan diri manusia tersebut, tertakluk pada bagaimana aspek kerohanian tersebut dikembangkan dalam kehidupan mereka. Dan atas asas manusia adalah makhluk pembina tamadun, maka potensi unggul dirinya yang dicirikan oleh unsur kerohanian dirinya itulah yang mesti dikembangkan dan dibangunkan seutuhnya demi untuk mengharapkan mereka membina tamadun yang berkualiti tinggi dan bermanfaat kepada kehidupan alam seluruhnya.

PEMBANGUNAN DIRI MANUSIA

Barangkali arah tuju dalam kita merancang pembangunan diri manusia yang semestinya diberikan fokus khusus kepada dimensi kerohanian dirinya itu dapat diambil pedoman, antara lain-lainnya, daripada ayat al-Qur'an di bawah:

[Maksudnya]: “Sesungguhnya Kami menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya [neraka]. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh; maka bagi mereka pahala yang tiada putus-putusnya”.

(al-Tin 95: 4-6)

Ayat di atas secara jelas menyatakan bahawa dua unsur utama yang dapat melepaskan manusia daripada petaka abadi api neraka Jahanam ialah keimanan dan amal-amal soleh atau kebaikan. Maka, dalam konteks perbincangan kita di sini bermakna bahawa unsur kerohanian dalam diri manusia itu mestilah dikembangkan dan disuburkan kehidupannya dengan kedua-dua unsur tersebut; keimanan dan amal-amal kebaikan untuk memastikan bahawa ia nantinya terlepas daripada perangkap petaka besar yang kita sebut di atas.

Kemudian, kalau kita perincikan dengan lebih teliti, maka keimanan yang disebutkan di sini tentunya merangkumi seluruh rukun-rukun iman. Ini tentunya bermakna pula bahawa unsur kerohanian atau ciri dalaman manusia yang disuburkan hidupnya dengan keimanan itu akan dikawal oleh suatu kawalan metafizik yang disediakan oleh Rukun Iman yang akan menentukan arah segala laku perbuatan dan akhlak dirinya. Contohnya di sini ialah, seseorang yang menghayati secara sedar keimanan terhadap wujudnya Hari Akhirat sebagai tempat pembalasan yang kekal abadi, tentu sekali perlakuananya akan dikawal oleh unsur metafizik tersebut, lalu ia tidak akan melakukan perkara-perkara yang merugikan dirinya dalam kehidupan di akhirat nanti. Begitu juga misalnya dengan seseorang yang meyakini kewujudan Allah yang tidak akan terselindung apa-apa pun daripada pengetahuan-Nya, dia akan cuma melakukan perkara-perkara yang disukai dan diredayai oleh Allah sahaja. Maka di sini, daripada orang-orang yang menghayati rukun-rukun iman ini, akan muncullah perlakuan akhlak Islam yang mulia.

Berhubung dengan amal-amal soleh atau kebaikan pula, barangkali ruang lingkupnya boleh saja difahami daripada makna sebuah hadis yang mengatakan bahawa amal soleh itu mempunyai berbagai fasa, dan membuang duri dari jalanan dengan maksud agar orang tidak tertusuk olehnya merupakan fasa permulaan daripada amal soleh. Jadi, cakupan istilah amal soleh itu meliputi semua tindakan yang membawa manfaat kepada masyarakat (Hasan Langgulung 1979). Oleh itu, dalam kata lain, amal-amal soleh itu, daripada perspektif Islam, merupakan segala

sesuatu yang sinonim dengan istilah akhlak yang mulia, yang kerananya, antara lain, Nabi Muhammad s.a.w itu sendiri dibangkitkan oleh Allah kepada manusia.

Oleh itu, di sini perlu pula kita kenali dan fahami secara sepintas lalu unsur-unsur yang terkandung dalam perkara yang diistilahkan sebagai akhlak mulia itu. Dalam perspektif Islam kesempurnaan akhlak seseorang manusia terletak pada kewujudan secara utuh dalam dirinya induk sifat-sifat utama iaitu sifat-sifat yang dikenali dalam falsafah akhlak Islam sebagai al-hikmah (kebijaksanaan), *al-shaja'ah* (keberanian), *al-'iffah* (pengawasan nafsu) dan *al-'adalah* (keadilan atau perimbangan). Dengan pemilikan induk sifat-sifat utama ini akan menghindarkan diri seseorang daripada perlakuan negatif yang boleh mengganggu ketenteraman dan membantu kecemerlangan hidup bermasyarakat seumpama *al-khabb* (pintar menipu), *al-balah* (kedunguan), *al-tahawwur* (berani membuat tuli), *al-jubun* (pengecut), *al-sharah* (rakus) dan lain-lain (Muhammad Uthman El-Muhammady 1988).

PENUTUP

Dengan itu sampai di sini kita sudah boleh membuat kesimpulan yang cukup tegas dan meyakinkan bahawa unsur kerohanian dalam diri manusia itu, yang merupakan paksi sebenar dan hakikat sejati dirinya, mestilah disuburkan dan dibangunkan seutuhnya dengan unsur-unsur keimanan dan amal soleh yang juga tidak lain daripada adunan dan ramuan yang terdapat dalam prinsip-prinsip akhlak yang mulia dalam Islam. Dan berdasarkan cara penganalisaan kita di sini, penyuburan dan pembangunan kehidupan kerohanian dalam bentuk yang disebutkan ini adalah merupakan sesuatu yang bersifat *requisite* demi menjamin kelahiran dan kelangsungan tamadun serta kehidupan bermasyarakat yang sentiasa berada dalam keadaan yang sejahtera, makmur dan cemerlang di dunia ini, dan terlepas pula, di akhirat kelak, daripada petaka besar yang dihuraikan di atas.

Lebih daripada segalanya dapat dipertegaskan lagi bahawa keutuhan iman dan kemuliaan akhlak yang menghiasi persada kerohanian ummah akan menjamin kemunculan dan kelestarian tamadun manusia yang berkualiti tinggi serta dapat menabur rahmat kepada alam seluruhnya, iaitu unsur rahmat yang dibawa oleh risalah Muhammad s.a.w itu sendiri. Dan hal yang sama jugalah yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dalam proses pembentukan tamadun Islam, di mana Baginda memperteguh iman dan mendidik akhlak para sahabat dalam tempoh zaman Makki sebelum dikembangkan fungsi ummah yang lebih luas dalam tempoh kehidupan pada zaman Madani.

Adapun unsur-unsur kekuatan lain yang diperlukan dalam proses pembangunan sesebuah tamadun, seumpama penguasaan ilmu, teknologi serta ke-terampilan yang lain, dengan sendirinya akan diusahakan dengan gigih oleh ummah yang sudah utuh keimanannya. Ini kerana kekentalan keimanan kepada

rukun-rukun Iman tersebut secara tabiinya akan mendorong ummah untuk terus maju dalam pelbagai bidang kehidupan. Hal seumpama inilah sesungguhnya yang telah dibuktikan secara konkrit oleh kalangan umat Islam dalam zaman kegemilangan tamadun Islam yang lampau. Dan perihal yang sama perlu diulangi semula oleh kalangan umat Islam masa kini demi kepentingan ummah itu sendiri dan dunia seluruhnya.

RUJUKAN

- Abu Sin, Ahmad Ibrahim. 1984. *al-Idarah fi al-Islam*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-‘Azami, Habib ‘Abd al-Rahman. t. th. Muqadimah Kpd. *Kitab al-Zuhd*. Oleh ‘Abd Allah al-Mubarak. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bahi, Muhammad. 1979. *Islam dilitupi Awan Mendung*. Terj. Yusoff Zaky Yacob. Kota Bharu: Pustaka Dian Sdn. Bhd.
- Al-Buti, Muhammad Said Ramadan. 2004. *Islam Hadhari:Dalam Pembangunan Insan*. Terj. Muhammad Ramzi Omar. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. t. th. *Ihya’ Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Hasan Langgulung. 1979. *Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. 1988. *Akhlag Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.